

19 MAY 1997

MSC-Projek

TELEKOM MALAYSIA TANDATANGAN DUA PROJEK IT

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 19 Mei (Bernama) -- Telekom Malaysia Berhad menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) pada Isnin dengan syarikat gergasi telekomunikasi GEC-Marconi Ltd untuk mengeluarkan produk di Malaysia yang digunakan oleh syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) di seluruh dunia.

Majlis itu berlangsung di kilang penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikat United Kingdom-Itali itu di Caswell, 90km dari London dan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir dalam rangka lawatan lima hari ke Britain untuk mempromosi projek Koridor raya Multimedia (MSC) Malaysia.

MoU pertama ialah bagi pengeluaran produk komunikasi wayarles galium arsenida (semi-konduktor berfrekuensi tinggi) yang melibatkan pelaburan AS\$115 juta untuk dimulakan di MSC dan dijadual beroperasi dalam masa dua tahun.

MSC merupakan kawasan 15km x 50km yang sedang dimajukan sebagai pusat bagi perbadanan bertaraf dunia menempatkan perniagaan dan kemudahan R&D mereka bagi pasaran serantau dan dunia untuk produk serta perkhidmatan multimedia.

MoU kedua ialah bagi pengeluaran amplifiler optik yang digunakan untuk menghantar isyarat melalui optik gentian. Kilang itu yang akan dibuka di Kulim, Kedah melibatkan pelaburan RM40 juta bagi tempoh lima tahun.

Kilang itu merupakan usahasama antara Telekom dan Marconi SPA Itali, anak syarikat GEC-Marconi, Itali.

Dr Mahathir memberitahu pemberita Malaysia bahawa MoU itu amat penting bagi Malaysia kerana ia melibatkan pemindahan teknologi tinggi kepada rakyat Malaysia serta merangsangkan lagi pembangunan MSC.

Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohd Said Mohd Ali menyifatkan MoU itu sebagai perkembangan penting kerana teknologi yang dimajukan di Malaysia kini boleh menembusi pasaran untuk produk yang menjadi permintaan dunia.

Pengarah Urusan Marconi SPA Dr Sandro Gualano berkata para jurutera Malaysia telah membangunkan teknologi amplifiler optik mereka sendiri dan MoU hari ini hanya akan meningkatkan keupayaan itu.

Marconi telahpun mengeluarkan peralatan telekomunikasi di sebuah lagi kilang di Kulim dengan pelaburan kira-kira RM40 juta.

Mohd Said berkata ekuiti bagi penyertaan Telekom dan GEC-Marconi dalam kedua-dua projek itu masih belum ditetapkan. -- BERNAMA

AU RON